

PEMAHAMAN KONSEP PECAHAN DALAM KALANGAN TIGA
KELOMPOK PELAJAR SECARA KERATAN LINTANG

SUHAIDAH TAHIR

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Doktor Falsafah

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2006

Dedikasi kepada keluarga tercinta, bonda Mon bt Abdullah; suami Dr Khalid Hasnan; anak-anak semua Ruqayyah, Maryam, Luqman, Anisah, Nabelah, Busyra, Fatimah, Hakimi, Zarif, Shahnaz dan Iqbal; menantu Farhan dan cucunda Amirul Hakim; yang banyak bersabar, memahami, memberi dorongan dan sentiasa mendoakan. Jazakumullahukhairan. Juga tidak ketinggalan Allahyarham ayahanda; Allahyarham kekanda; adik-adik, abang-abang dan kakak-akak ipar kerana dorongan dan doa yang berterusan.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Penyayang

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada penyelia penyelidikan, Prof. Madya Dr Md Nor bin Bakar atas kesabaran beliau membimbing, memberi nasihat, sokongan dan dorongan selama tempoh penyelidikan. Terima kasih diucapkan kepada penilai Prof. Madya Dr Mohini Mohamed dan Prof. Madya Dr Fatimah Salleh kerana cadangan-cadangan yang berharga bagi memurnikan penulisan tesis.

Penghargaan tidak dilupakan kepada rakan seperjuangan PM. Dr Munirah, Dr Faizah, PM. Dr Zaleha, Sharifah, PM. Dr Madzlan, Prof. John Mason dan Dr Nor Azlan yang sabar mendengar dan membantu sehingga siap penulisan tesis ini. Pertemuan dengan PM Dr Adnan Hussein ditakdirkan di saat-saat akhir penulisan amat dihargai. Pertolongan dan dorongan yang diberikan telah banyak membantu dan memberi keyakinan. Terima kasih diucapkan kepada keluarga beliau yang amat memahami. Penghargaan juga kepada semua rakan yang secara langsung atau tidak langsung turut menyumbang dalam penghasilan tesis ini. Terima kasih kepada pensyarah-pensyarah, guru-guru dan pelajar-pelajar yang banyak memainkan peranan dalam kajian ini.

Akhir sekali, tidak dilupakan ialah bantuan kewangan dan cuti yang diberikan bagi melanjutkan pelajaran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sangat-sangat dihargai. Terima kasih diucapkan kepada Puan Hajah Maznah bt Abu bakar, Pengarah Maktab Perguruan Batu Pahat yang telah memberi galakan dan dorongan.

ABSTRAK

Objektif utama kajian ialah mengenal pasti pemahaman konsep pecahan yang dimiliki tiga kumpulan pelajar secara keratan lintang. Sampel kajian terdiri daripada 66 orang pelajar tahun enam sekolah rendah, 67 orang pelajar tingkatan empat sekolah menengah dan 57 orang pelajar tahun dua institusi pengajian tinggi. Pemahaman konsep pecahan merujuk kepada pemahaman konsep asas pecahan dan pemahaman konsep pecahan melibatkan operasi. Data kajian dikutip secara kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif dikumpulkan melalui 22 soalan ujian bertulis terbuka. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan melihat peratus skor ujian dan mengikut konsep pecahan setiap kumpulan. Secara keseluruhannya, pelajar institut pengajian tinggi menunjukkan peratus skor yang lebih baik berbanding dengan pelajar sekolah menengah dan pelajar sekolah rendah. Peratus skor pelajar sekolah menengah pula lebih baik berbanding dengan pelajar sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan tiada terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar sekolah menengah dan institut pengajian tinggi bagi konsep hasil bahagi dan konsep nombor bercampur. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat konsep pecahan yang tidak dapat dikuasai oleh semua peringkat umur pelajar iaitu konsep pecahan setara dan konsep pecahan sebagai nombor. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara operasi tolak, operasi darab dan operasi gabungan dengan kumpulan. Tetapi pencapaian min peratus skor bagi operasi ini adalah rendah bagi semua kumpulan. Oleh itu, kajian selanjutnya diteruskan bagi mencungkil pemahaman konsep pecahan melibatkan keempat-empat operasi dan konsep pecahan sebagai nombor dan konsep pecahan setara. Sesi temu bual separa berstruktur dijalankan ke atas 21 orang pelajar bagi mewakili setiap kumpulan umur. Dapatan ini menunjukkan pelajar sekolah rendah belum menguasai pemahaman konsep pecahan sebagai nombor. Pelajar sekolah rendah boleh membuat imej dan mereka telah mempunyai imej tetapi keputusan yang diambil tidak mengesahkan antara imej yang dipunyai dengan yang dibuat. Pelajar sekolah rendah cuba membenarkan jawapan mereka dengan pelbagai alasan tanpa mempedulikan samada jawapan mereka memberi makna atau tidak. Kajian ini juga menunjukkan pelajar sekolah rendah tidak dapat melihat pentingnya hubungan antara bahagian dan keseluruhan bagi mewakili pecahan. Pelajar sekolah menengah dan pelajar institut pengajian tinggi telah memilih strategi yang salah untuk membuat keputusan dan strategi yang telah dihafal agak sukar diubah. Pelajar didapati tidak dapat menghubungkan antara peraturan dan strategi yang diambil dengan keputusan yang dibuat. Pelajar mempunyai pengetahuan tentang konsep asas pecahan tetapi gagal menggunakan pengetahuan ini untuk membuat keputusan. Pelajar sekolah menengah menggunakan strategi dengan membuat perbandingan secara terus tanpa menghiraukan hubungan sebahagian daripada keseluruhan. Hasil analisis kualitatif yang melihat kepada strategi yang digunakan pelajar, menunjukkan bahawa pelajar bagi semua peringkat umur mempunyai pemahaman prosedural bagi aspek operasi matematik melibatkan pecahan. Mereka boleh membuat kiraan dengan baik tetapi gagal untuk menjelaskan mengapa sesuatu tindakan itu diambil.

ABSTRACT

The main objective of this study is to investigate the understanding of fraction concepts across three groups of learners. The subjects of the study are 66 primary school students, 67 Form Four students and 57 second-year students of a higher learning institution. The study focuses on learners' understanding of basic concepts of fraction and the four operations involving fractions. Quantitative data, gauged via 22 open-ended test items, were analyzed descriptively to determine the test scores, obtained by the subjects of each group, measuring their understanding of aspects of fraction concepts. The findings revealed that learners at the tertiary level scored better than learners at the primary and secondary levels, and learners at the secondary level performed better than those at primary level. There is no significant difference between the scores of subjects at tertiary and secondary levels, with respect to their understanding of quotient and mixed number. It was also discovered that learners at all three levels found it difficult to grasp the concepts of fractions as numbers and equivalent fractions. Although there is no significant difference among the groups in their scores on subtraction, multiplication and mixed operations, their mean scores in these operations were low. Thus, more in-depth investigations are required to determine learners' understanding of the concept of the four operations involving fractions, the concept of fractions as numbers and equivalent fractions. Semi-structured interviews conducted on 21 subjects from each group revealed that primary school learners have yet to understand the concept of fraction as number. Although these subjects were able to draw images but the decisions they made did not reflect the images they possessed. These learners were also unable to see the significance of the relationship between parts and wholes that depict fractions. Learners in secondary schools and higher learning institutions had employed inaccurate strategies when making decisions, and it would be difficult to make them unlearn these strategies which they had memorized. These learners had also failed to make connections between the rules and strategies employed with the decisions they made. They have knowledge on basic concepts of fraction but failed to use this knowledge to make decisions. Learners at all three levels were found to possess a procedural understanding of operational aspects involving fractions, thus the ability to execute calculations successfully, but had however, failed to explain why an action was taken.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi

I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian.....	9
1.5	Kerangka Teori Kajian.....	9
1.6	Skop Kajian.....	13
1.7	Kepentingan Kajian.....	13
1.8	Penutup.....	15

II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Teori Pembelajaran Matematik.....	16
2.3	Pembentukan Konsep dalam Matematik.....	22
2.4	Pemahaman konsep dalam Penyelesaian Masalah.....	25
2.5	Konsep pecahan	27
2.5.1	Konsep asas pecahan.....	29
2.5.2	Empat operasi asas melibatkan pecahan	32
2.6	Pengajaran dan Pembelajaran Konsep Pecahan di Sekolah dan Institut Pengajian Tinggi	36
2.7	Tinjauan kajian terdahulu tentang konsep pecahan	41
2.8	Kesukaran Konsep Pecahan	54
2.8.1	Definisi keseluruhan	55
2.8.2	Pembahagian sama besar.	56
2.8.3	Sebahagian daripada keseluruhan (s/k).....	57
2.8.4	Definisi kesetaraan.....	57
2.8.5	Konsep Pecahan Melibatkan Operasi	58
2.8.6	Membandingkan pecahan	61
2.8.7	Hubungan pecahan dengan nombor perpuluhan	61
2.8.8	Pengetahuan sedia ada	62
2.9	Teori Pemahaman	64
2.10	Penutup.....	73

III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	75
3.2	Definisi Konseptual Kajian Keratan Lintang.....	75
3.3	Prosedur Kajian.....	77
3.4	Rekabentuk Kajian.....	77
3.5	Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen kajian	81
3.6	Instrumen kajian.....	82
3.6.1	Ujian bertulis diagnostik	83
3.6.2	Temu bual	87

3.7	Lokasi kajian	97
3.8	Subjek kajian.....	98
3.9	Pengumpulan dan Penganalisan Data.....	100
3.9.1	Data Kuantitatif.....	100
3.9.2	Data Kualitatif.....	101
3.10	Kajian Rintis	102
3.11	Penutup.....	104

IV ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	106
4.2	Analisis Ujian Bertulis Diagnostik	107
4.2.1	Analisis Mengikut Kumpulan	107
4.2.2	Analisis Mengikut Konsep Asas Pecahan.....	110
4.2.3	Analisis Mengikut Operasi Pecahan	114
4.2.4	Rumusan Analisis Konsep Asas Pecahan dan Konsep Pecahan Melibatkan Operasi Merentas ketiga-tiga Kumpulan Pelajar	117
4.3	Analisis Kualitatif	120
4.3.1	Pelajar Sekolah Rendah	121
4.3.2	Pelajar Sekolah Menengah.....	145
4.3.3	Pelajar Institut Pengajian Tinggi.....	164
4.4	Rumusan Analisis Data Kualitatif daripada Sesi Temu Bual Ketiga-tiga Kumpulan.....	182
4.4.1	Rumusan Pemahaman Konsep Pecahan Mengikut Konsep Asas Pecahan Ketiga-tiga Kumpulan	182
4.4.2	Rumusan Pemahaman Konsep Pecahan Melibatkan Operasi Ketiga- tiga Kumpulan.....	193
4.5	Penutup.....	199

V KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1	Pengenalan	200
5.2	Pemahaman konsep pecahan pelajar miliki.	202
5.2.1	Rumusan Analisis Ujian Bertulis.....	203
5.2.2	Rumusan Pemahaman Konsep Pecahan Pelajar Sekolah Rendah ...	204

5.2.3	Rumusan Pemahaman Konsep Pecahan Pelajar Sekolah Menengah.....	207
5.2.4	Rumusan Pemahaman Konsep Pecahan Pelajar Institut Pengajian .	209
5.2.5	Rumusan Pemahaman Konsep Pecahan Ketiga-tiga Kumpulan Pelajar	210
5.3	Kesimpulan	212
5.4	Implikasi Kajian.....	214
5.4.1	Implikasi Kepada Kurikulum.....	214
5.4.2	Implikasi Kepada Pengajaran dan Pembelajaran	216
5.4.3	Implikasi Kepada Pengujian dan Penilaian.....	220
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	222
5.6	Penutup.....	226
	Bibliografi	228
	Lampiran A-D.....	239

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Huraian Kerangka Teori Pemahaman Konsep Pecahan	12
2.1	Kategori asas nombor pecahan (Kieren, 1981)	28
2.2	Isi Kandungan Sukatan Pelajaran Matematik Tahun Tiga hingga Tingkatan satu Bagi Tajuk Pecahan.	40
2.3	Pengajaran Topik Pecahan dan Penggunaannya di Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institut Pengajian Tinggi	41
2.4	Ringkasan Teori Pemahaman	67
3.1	Analisis Item Ujian Diagnostik	85
3.2	Contoh Item Konsep Pecahan Sebagai Nombor	90
3.3	Contoh Item Temu Bual Konsep Pecahan Dan Konsep pecahan Melibatkan Operasi	91
3.4	Contoh Item Temu Bual Konsep Asas Pecahan (Hasil Bahagi) Dan Konsep Pecahan Melibatkan Operasi Bahagi	92
3.5	Contoh Item Temu Bual Aspek Konsep Asas Pecahan: Pecahan Sebagai Nombor	93
3.6	Rumusan Item Temu Bual Mengikut Bentuk Soalan	94
3.7	Rumusan Konsep Pecahan Dikaji Dalam Temu Bual	95
3.8	Pemilihan Pelajar Yang Ditemu Bual	98
3.9	Rumusan Subjek Terlibat	99
4.1	Peratus Skor Keseluruhan Mengikut Kumpulan	108

4.2	Anova ($P < 0.05$) Peratus Skor Dengan Kumpulan	109
4.3	Ujian Scheffe ($P < 0.05$) Peratus Skor Dengan Kumpulan	109
4.4	Peratus Skor Mengikut Setiap Aspek Konsep Pecahan	110
4.5	Anova ($P < 0.05$) Konsep Asas Pecahan Dengan Kumpulan	112
4.6	Ujian Scheffe Peratus Konsep Asas Pecahan Dengan Kumpulan	113
4.7	Min Peratus Skor Mengikut Konsep Pecahan Melibatkan Operasi	115
4.8	Anova ($P < 0.05$) Aspek Operasi Dengan Kumpulan	116
4.9	Ujian Scheffe Peratus Aspek Operasi Dengan Kumpulan	
4.10	Rumusan Analisis Anova Aspek Konsep Pecahan	119
4.11	Latar Belakang Pelajar Sekolah Rendah	122
4.12	Strategi Pelajar Sekolah Rendah Membandingkan Dua Pecahan Penyebut Sama: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	124
4.13	Strategi Pelajar Sekolah Rendah Membandingkan Dua Pecahan Penyebut Tak Sama: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	132
4.14	Strategi Pelajar Sekolah Rendah Mencari Pecahan Antara Dua Pecahan: Pemahaman Konsep pecahan Sebagai nombor	133
4.15	Strategi Pelajar Sekolah Rendah Konsep Sebahagian Keseluruhan: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	136
4.16	Strategi Pelajar Sekolah Rendah Membandingkan Dua Pecahan Setara: Pemahaman Konsep Pecahan Setara	140
4.17	Strategi Pelajar Sekolah Rendah Menyelesaikan Masalah Operasi Tambah Tolak: Pemahaman Pecahan Melibatkan Operasi	141
4.18	Strategi Pelajar Sekolah Rendah Menyelesaikan Masalah Pecahan: Pemahaman Pecahan Melibatkan Operasi	143
4.19	Latar Belakang Pelajar Sekolah Menengah	146
4.20	Strategi Pelajar Sekolah Menengah Membandingkan Dua Pecahan Penyebut Sama: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	149
4.21	Strategi Pelajar Sekolah Menengah Membandingkan Dua Pecahan Penyebut Tak Sama: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	151

4.22	Strategi Pelajar Sekolah Menengah Mencari Pecahan Antara Dua Pecahan: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	152
4.23	Strategi Pelajar Sekolah Menengah Melihat Konsep Sebahagian Keseluruhan: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	155
4.24	Strategi Pelajar Sekolah Menengah Membandingkan Dua Pecahan Setara	156
4.25	Strategi Pelajar Sekolah Menengah Menyelesaikan Masalah Operasi Tambah Tolak: Pemahaman Konsep Pecahan Melibatkan Operasi	158
4.26	Strategi Pelajar Sekolah Menengah Menyelesaikan Masalah Operasi Darab: Pemahaman Konsep Pecahan Melibatkan Operasi	160
4.27	Strategi Pelajar Sekolah Menengah Menyelesaikan Masalah Operasi Bahagi: Pemahaman Konsep Pecahan Melibatkan Operasi	162
4.28	Latar Belakang Pelajar Institut Pengajian Tinggi	164
4.29	Strategi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Membandingkan Dua Pecahan Penyebut Sama: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	167
4.30	Strategi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Membandingkan Dua Pecahan Penyebut Tak Sama: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	168
4.31	Strategi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Mencari Pecahan Antara Dua Pecahan: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	170
4.32	Strategi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Melihat Konsep Sebahagian Keseluruhan: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	174
4.33	Strategi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Membandingkan Dua Pecahan Setara	175
4.34	Strategi Pelajar Institut Pengajian Tinggi: Pemahaman Konsep Pecahan Melibatkan Operasi Tambah dan Tolak	177
4.35	Strategi Pelajar Institut Pengajian Tinggi : Pemahaman Konsep Pecahan Melibatkan Operasi Darab	178
4.36	Strategi Pelajar Institut Pengajian Tinggi : Pemahaman Konsep Pecahan Melibatkan Operasi Bahagi	181
4.37	Strategi Ketiga-Tiga Kumpulan Pelajar Untuk Membandingkan Dua Pecahan Penyebut Sama: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	184
4.38	Strategi Ketiga-Tiga Kumpulan Pelajar Membandingkan Dua Pecahan Penyebut Tak Sama: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	186

4.39	Strategi Ketiga-Tiga Kumpulan Pelajar Mencari Pacahan Antara Dua Pecahan: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	188
4.40	Strategi Ketiga-Tiga Kumpulan Pelajar Melihat Konsep Sebahagian Keseluruhan: Pemahaman Konsep Pecahan Sebagai Nombor	190
4.41	Strategi Ketiga-Tiga Kumpulan Pelajar Untuk Membandingkan Dua Pecahan Setara	192
4.42	Strategi Ketiga-Tiga Kumpulan Pelajar: Pemahaman Konsep Pecahan Melibatkan Operasi Tambah dan Tolak	194
4.43	Strategi Ketiga-Tiga Kumpulan Pelajar: Pemahaman Konsep Pecahan Melibatkan Operasi Darab	196
4.44	Strategi Yang Ketiga-Tiga Kumpulan Pelajar: Pemahaman Konsep Pecahan Operasi Bahagi	198

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian Pemahaman Konsep Pecahan	11
2.1	Unit komposit (Lamon, 1999)	27
2.2	Model Perkembangan Pemahaman Matematik Pirie dan Kieren.	71
3.1	Model Reka bentuk Kajian	79
3.2	Plan Bilik Temu Bual	96
4.1	Peratus Skor Mengikut Kumpulan	108
4.2	Peratus Skor Mengikut Aspek Konsep Pecahan Antara Kumpulan	111
4.3	Min Peratus Skor Mengikut Aspek Operasi	115
5.1	Model Translasi Lesh (1979)	221

SENARAI SINGKATAN

SR	-	Sekolah Rendah
SM	-	Sekolah Menengah
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dasar Wawasan Negara telah dilancarkan pada 3 April 2001. Salah satu daripada sembilan Cabaran Wawasan 2020 ialah untuk mewujudkan masyarakat saintifik, progresif dan inovatif. Malaysia bukan sahaja mengharapkan rakyatnya menjadi pengguna pengetahuan sains dan teknologi bahkan menjadi penyumbang dalam bidang ini. Oleh itu, pengetahuan matematik yang mantap menjadi prasyarat kepada generasi akan datang bagi tercapainya matlamat wawasan ini.

Bagaimanapun, kita sentiasa berhadapan dengan isu kelemahan matematik di kalangan pelajar di semua peringkat pendidikan. Sebagai contoh, analisis peperiksaan awam bagi mata pelajaran matematik dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM dari tahun 1994 hingga tahun 2004 bagi negeri Johor menunjukkan keputusan yang tidak begitu memuaskan (JPNJ, 2005).

Berbagai topik dalam matematik yang menyumbang kepada peratusan kelulusan yang rendah itu. Walau bagaimana pun, analisis soalan matematik dalam peperiksaan UPSR mengikut topik dari tahun 1987 hingga 1997 yang dibuat oleh Roslina dan Rosmah (1998) menunjukkan jumlah soalan kedua terbanyak ialah soalan yang melibatkan konsep pecahan. Manakala soalan-soalan dalam peperiksaan PMR dan SPM, topik pecahan walaupun tidak diuji secara khusus, tetapi soalnya lebih kepada aplikasi yang melibatkan konsep pecahan seperti mencari purata, perpuluhan, peratusan dan sebagainya.

Terdapat banyak kajian ilmiah mengenai masalah pembelajaran konsep pecahan telah dilakukan oleh pengkaji seluruh dunia. Sebagai contoh projek 'Rational Number' di Amerika Syarikat ialah satu projek yang berterusan sejak tahun 1979 hingga sekarang. Projek ini merupakan projek yang paling lama dibiayai yang melibatkan banyak universiti dengan menghasilkan lebih daripada 90 penerbitan (Leavitt, 2003). Bukan hanya di luar negara, pendidik di negara kita juga peka tentang masalah pembelajaran konsep pecahan ini. Sebagai contoh, kajian seumpama ini telah dilakukan oleh Ahmad Khairi (1998), Munirah (2002) dan Salwa (2003). Walau bagaimana pun, kesemua kajian ini hanya tertumpu kepada sesuatu kumpulan umur tertentu sahaja. Oleh sebab konsep pecahan digunakan secara meluas dalam semua peringkat pendidikan, satu kajian yang melibatkan beberapa kelompok pelajar adalah wajar dilakukan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Analisis keputusan peperiksaan awam dapat memberikan sedikit gambaran tentang tahap pemahaman pelajar mengenai sesuatu konsep matematik. Berkaitan dengan konsep pecahan, laporan prestasi matematik UPSR, PMR, SPM menunjukkan bahawa pelajar menghadapi kesukaran untuk menguasai topik ini. Laporan Prestasi Matematik UPSR 1996 (Lembaga-Peperiksaan, 1997) misalnya, menunjukkan bahawa pencapaian pelajar adalah kurang memuaskan terutamanya bagi soalan berbentuk pecahan. Laporan Prestasi Matematik UPSR 2001 juga menunjukkan pelajar sekolah rendah masih tidak dapat menguasai konsep asas pecahan (Lembaga-Peperiksaan, 2002).

Dalam Laporan Prestasi Matematik PMR 1994 didapati, bagi soalan $\frac{2}{3} + \frac{1}{6}$, hanya 56% sahaja pelajar yang dapat menjawab dengan betul (Lembaga-Peperiksaan, 1995). Pelajar lemah akan melakukan kesalahan seperti $\frac{2}{3} + \frac{1}{6} = \frac{3}{9}$. Begitu juga bagi soalan 14, kesalahan yang dilakukan adalah seperti $\frac{2}{3x} + \frac{5}{6x} = \frac{7}{9x}$. Dalam soalan 14 yang berbentuk rajah, hanya 46% sahaja pelajar menjawab dengan

betul. Kegagalan pelajar menjawab soalan ini menunjukkan lemahnya pemahaman mereka tentang nilai pecahan. Bagi soalan 34 pula yang berbentuk berayat, hanya 45% sahaja pelajar menjawab dengan betul. Laporan Prestasi Matematik PMR 1995, menunjukkan hanya 57% sahaja pelajar dapat menjawab dengan betul bagi soalan $\frac{2}{3} \div \frac{3}{5}$ (Lembaga-Peperiksaan, 1996). Sebahagian kecil, pelajar melakukan kesilapan seperti $\frac{2}{3} \div \frac{3}{5} = \frac{2}{5}$. Bagi soalan penambahan pecahan $\frac{5}{xy} + \frac{y}{x} =$, hanya 38% pelajar sahaja dapat menjawab dengan betul. Laporan Prestasi Matematik PMR 1996 pula, menunjukkan hanya 50% pelajar sahaja yang menjawab dengan betul bagi soalan persamaan operasi yang melibatkan pecahan, nombor perpuluhan dan nombor bulat (Lembaga-Peperiksaan, 1997). Sekumpulan pelajar menukarkan $1\frac{5}{8}$ kepada $\frac{15}{8}$. Dalam kertas soalan yang sama bagi soalan 36, $\frac{2k+3}{3} - \frac{k+2}{2} =$, hanya 39% sahaja pelajar dapat menjawab dengan betul. Sebanyak 17% pelajar melakukan pengiraan yang betul tetapi mengabaikan nilai penyebut. 27% pelajar menyelesaikan pengangka dan penyebut secara berasingan.

Di peringkat SPM pula, seperti dalam Laporan Prestasi Matematik SPM 1996, terdapat pelajar yang memberikan jawapan begini bagi soalan $\frac{1}{4} + \frac{2}{5} = 1\frac{7}{13}$ dan $\frac{1}{3} \div (2 - \frac{1}{3}) = \frac{3}{15}$ atau $\frac{1}{3} \div (2 - \frac{1}{3}) = \frac{3}{1} \times \frac{5}{3} = 5$ (Lembaga-Peperiksaan, 1997). Dalam laporan yang sama, bagi soalan berkaitan dengan kebarangkalian, ramai pelajar tidak dapat memberikan nilai pecahan yang betul. Pelajar juga memberikan jawapan seperti $\frac{n}{3} - \frac{n^2-6}{12n} = \frac{n^2+6}{4n}$ atau $\frac{n}{3} - \frac{n^2-6}{12n} = \frac{3n^2+1}{2n}$. Dalam Laporan Prestasi Matematik SPM 1995 pula, bagi soalan 1(a) iaitu $\frac{3}{4} - \frac{5}{8} =$ dan soalan 1(b) $\frac{3}{4} + (\frac{5}{8} \div \frac{1}{4}) =$, pelajar melakukan kesalahan yang sama seperti pelajar tahun sebelumnya. Bagi soalan 13(a), calon diminta menyelesaikan soalan $\frac{5}{2}k = 7$, terdapat pelajar yang memberi jawapan seperti $7 - \frac{5}{2} = 4\frac{1}{2}$ atau $7 \times \frac{5}{2} = 17\frac{1}{2}$. Bagi soalan 13(b) pula, iaitu memberi penyelesaian bagi $4w + 3 = -4(w-3)$, terdapat pelajar memberikan jawapan $8w = -15$, $w = -\frac{8}{15}$ atau $8w = 9$, $w = \frac{8}{9}$ (Lembaga-Peperiksaan, 1996).

Masalah penguasaan topik pecahan ini bukan hanya berlaku di kalangan pelajar-pelajar kita di Malaysia, bahkan di negara-negara lain juga. Menurut laporan

‘Department for Education & Employment’ (DfEE,1998), guru-guru di United Kingdom digesa untuk mengenalpasti konsep yang dimiliki oleh pelajar-pelajar. Antara konsep yang ditekankan termasuklah konsep pecahan. Antara contoh salah konsep ialah anggapan yang selalu dibuat oleh pelajar bahawa ‘operasi bahagi mesti menghasilkan nilai nombor yang lebih kecil’ ($\frac{6}{\frac{1}{3}}=2$) dan ‘penambahan nombor bulat disamakan dengan penambahan dua nombor pecahan’ ($\frac{1}{2} + \frac{1}{4} = \frac{2}{6}$). Ramai pelajar mengalami salah konsep seperti ini. Satu kajian terhadap pelajar tadika hingga kepada pelajar tahun enam di Amerika Syarikat, di mana semua pelajar diberikan soalan pecahan yang serupa menunjukkan bahawa hanya 40% sahaja pelajar tahun tiga dan 67% sahaja pelajar di tahun empat dan lima yang boleh menyelesaikan masalah tersebut(Riddle, 2000).

Di Amerika Syarikat, pihak National Council of Teachers of Mathematics (NCTM) telah menerbitkan piawaian seperti “The Curriculum and Evaluation Standards for School Mathematics”(NCTM, 1989) dan “The Principles and Standards for School Mathematics” (NCTM, 2000) sebagai usaha untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran matematik. Pembelajaran topik pecahan adalah lanjutan daripada pembelajaran nombor bulat dan para pendidik harus membantu pelajar membina pemahaman konsep pecahan ini (NCTM, 2000). Piawaian NCTM ini melibatkan nombor nisbah dalam Piawaian 12: Pecahan dan nombor perpuluhan dari peringkat K (Kindergarten) hingga tahun 4 dan Piawaian 7: Pengiraan dan Anggaran dari tahun 5 hingga tahun 8. Dari peringkat K hingga tahun 4, penekanan harus diberi dalam pembinaan kepekaan nombor di mana makna nombor bulat dikaitkan dengan nombor nisbah sama ada dalam bentuk pecahan atau nombor perpuluhan. Penekanan pecahan sebagai nombor seharusnya dapat dikaitkan dengan kehidupan seharian dan mudah dimodelkan. Simbol pecahan seharusnya diperkenalkan setelah pelajar memahami konsep pecahan supaya simbol tersebut akan jadi lebih bermakna kepada mereka. Sebagai contoh, pelajar seharusnya dapat menerangkan dalam menentukan saiz sesuatu pecahan apabila membuat perbandingan (lebih besar atau lebih kecil). Penggunaan model-model konkrit seharusnya digunakan dalam pembelajaran operasi tambah dan tolak pecahan. Dari peringkat tahun 5 hingga tahun 8, piawaian NCTM menyarankan

pelajar terus meneroka makna konsep dengan menggunakan model-model konkrit dan dapat menerangkan secara lisan atau dalam bentuk gambarajah, graf atau aljabar (NCTM, 1989, 2000; Troutman 1994).

Satu projek yang dikenali sebagai CSMS (Concepts in Secondary Mathematics and Science) yang telah dilakukan dari tahun 1974 hingga tahun 1979 ke atas 10,000 orang pelajar di United Kingdom untuk mengkaji tahap pemahaman pelajar-pelajar. Antara tajuk yang ditekankan ialah tajuk pecahan. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar-pelajar membuat kesalahan bukan kerana salah strategi tetapi lebih kepada kurang pemahaman tentang konsep pecahan. Seolah-olah tiada hubungan antara soalan berbentuk masalah atau gambar rajah dengan yang berbentuk terus pengiraan (Kerslake, 1986). Dalam kajian yang sama, didapati 31.7 % pelajar-pelajar berumur 12 dan 13 tahun membahagikan lima dengan tiga apabila diminta menyatakan dalam bentuk pecahan $3 \div 5$. Pelajar-pelajar juga lebih suka mengelakkan diri daripada menyelesaikan masalah yang melibatkan pecahan. Sebanyak 29.8 % pelajar berumur 14 dan 15 tahun memberi jawapan bahawa hanya terdapat satu nombor sahaja antara $\frac{1}{4}$ dan $\frac{1}{2}$ iaitu $\frac{1}{3}$. Dalam penggunaan operasi penambahan atau penolakan pula, pelajar-pelajar membuat kesalahan yang agak konsisten dan sistematik seperti $\frac{1}{10} + \frac{3}{5} = \frac{4}{15}$. Pemahaman pelajar-pelajar tentang pecahan setara juga lemah seperti kesukaran mencari satu pecahan lain antara dua pecahan yang diberikan.

Setelah beberapa tahun berada di sekolah, pemahaman konsep asas pecahan pelajar masih sangat terhad dan berkekalan sehingga ke peringkat pengajian tinggi (Newstead, 1998). Kajian oleh beberapa pengkaji menunjukkan pelajar di peringkat pengajian tinggi seperti di kolej atau maktab perguruan mempunyai pemahaman konsep pecahan yang kurang mantap (Hector & Frandsen, 1981; Thipkong and Davis, 1991; Tengku Zawawi Tengku Zainal, 1997; Hass, 1998; Hanson, 2000).

Menurut Cramer (2002), pemahaman konsep asas pecahan yang kukuh di peringkat awal pendidikan boleh membantu pelajar membina strategi yang teratur untuk menyelesaikan masalah melibatkan pecahan. Secara tidak langsung, pelajar di

peringkat pendidikan lebih tinggi boleh menyelesaikan masalah matematik dengan lebih pantas samada masalah pemahaman atau masalah jenis prosedural. Oleh itu, jika mutu pendidikan matematik ingin diperbaiki, banyak lagi yang perlu dilakukan oleh para pendidik untuk menyelami bagaimana pelajar berfikir dan mengapa mereka menghadapi masalah. Apabila masalah yang dihadapi oleh pelajar ini difahami, kesukaran salah konsep dikenalpasti, adalah tidak mustahil bahawa masalah pemahaman tentang sesuatu konsep matematik ini diatasi dengan sebaik-baiknya.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini dilakukan untuk mengkaji dan mencungkil pemahaman konsep pecahan yang dimiliki oleh pelajar. Tidak dinafikan terdapat banyak kajian tentang masalah penguasaan konsep pecahan telah dibuat sama ada di Malaysia atau di seluruh dunia tetapi kesemua kajian hanya tertumpu kepada sesuatu kumpulan umur tertentu sahaja. Adakah masalah pemahaman konsep pecahan ini berterusan? Adakah pemahaman konsep yang pelajar miliki berubah apabila umur pelajar meningkat atau setelah melalui proses pendidikan yang sekian lama? Oleh itu, satu kajian yang merentasi umur wajar dijalankan untuk melihat perbezaan atau persamaan pemahaman konsep pecahan yang pelajar miliki.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengetahuan tentang pecahan adalah penting kerana ia bukan hanya sebagai asas kepada ilmu aljabar tetapi pengetahuan ini juga memberi struktur mental untuk pembangunan intelek yang berterusan. Ilmu ini juga dapat meningkatkan kemampuan kanak-kanak untuk berurusan dalam masalah seharian (Post, 1982). Pemahaman konsep yang kabur akan mengakibatkan pelajar kerap menghadapi masalah dalam pembelajaran matematik seterusnya. Guru seharusnya menyedari perkara ini di kalangan pelajarnya semasa proses pengajaran pembelajaran berlangsung. Bagi menjamin pelajar mampu menguasai konsep asas ini dengan betul, mereka perlu dibimbing secara teliti dan terancang. Ramai pendidik berpendapat bahawa pembelajaran konsep nombor rasional masih menjadi satu halangan dalam perkembangan matematik pelajar (Behr, 1992; Streefland, 1993;

Empson, 1999). Satu daripada halangannya ialah kerana idea pecahan itu sendiri satu idea yang abstrak di mana pelajar terpaksa berhadapan dengan sesuatu konteks yang tidak semula jadi (Booker, 1998). Sebagai contoh, jarang sekali pengiraan yang melibatkan pecahan dilakukan dalam situasi seharian.

Pelajar memerlukan maklumat sebanyak mungkin dalam pembelajaran matematik. Melakukan kesilapan dalam memahami konsep di peringkat awal boleh menjejaskan kebolehan mereka memahami matematik. Seterusnya pengajaran awal yang memberikan keutamaan dalam pengukuhan konsep dapat mengurangkan masalah pelajar daripada melakukan kesilapan. Kegagalan dalam perkembangan dan pemahaman konsep pecahan pada peringkat awal pembelajaran pelajar akan menimbulkan kesulitan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Sebagai contoh, kelemahan pemahaman konsep asas pecahan yang dimiliki oleh pelajar akan mengganggu pemahaman mereka untuk memahami aljabar kerana penggunaan operasi dalam pecahan penting dalam menyelesaikan ungkapan aljabar dan persamaan.

Banyak kajian tentang pemikiran matematik kanak-kanak menunjukkan bahawa kanak-kanak mempunyai pelbagai konsep yang telah sedia ada terbina dan setiap kanak-kanak mempunyai pemikiran dan cara menyelesaikan masalah matematik yang unik (Pothier dan Sawada, 1983; Carpenter dan Moser, 1983; Mack 1995; Wearne et al., 1997). Streefland (1991) mencadangkan proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat awal pendidikan dibina daripada konteks dunia kanak-kanak yang sebenar iaitu pelajar akan menggabungkan idea pecahan semasa mereka menyelesaikan masalah dalam situasi sebenar. Konsep sedia ada yang dipunyai oleh pelajar ini secara tidak langsung memberi kesan kepada pelajar untuk menerima sesuatu konsep yang baru. Selalunya, pendidik tidak menyedari konsep sedia ada yang telah dipunyai oleh pelajar-pelajar ini. Pengetahuan tentang konsep sedia ada yang dipunyai oleh pelajar ini dapat membantu pendidik membuat persediaan sewajarnya dalam proses pengajaran pembelajaran untuk membina pemahaman sesuatu konsep matematik.

Kebanyakan kesalahan yang dilakukan pelajar dalam menyelesaikan masalah matematik bukan hanya disebabkan kecuaiian atau secara rawak tetapi berlaku secara agak sistematik (Hart, 1981; Rees, 1984; Newstead, 1998). Secara tidak langsung menggambarkan tahap pemahaman konsep matematik pelajar miliki. Sejauh manakah pelajar-pelajar menghayati pemahaman yang kurang jelas ini mengenai sesuatu konsep matematik? Kesilapan-kesilapan yang serupa berlaku secara meluas di semua peringkat umur dan sehati dalam diri individu (Rees dan Barr, 1984). Walau bagaimana pun, adalah bermanfaat jika jawapan yang salah itu dikaji kerana kajian yang teliti akan memberikan petunjuk tentang bagaimana pelajar berfikir seperti dalam kajian Rees & Barr (1984) dan Newstead & Murray (1998). Kajian yang teliti ke atas kerja pelajar juga dapat membantu mengurangkan kesilapan seterusnya (Onslow, 1986). Pelajar harus didedahkan dengan masalah matematik yang sesuai. Daripada strategi yang ditunjukkan oleh pelajar, secara tidak langsung dapat menunjukkan pemahaman konsep sebenar yang pelajar miliki. Oleh itu satu kajian keratan lintang merentasi peringkat umur sebegini dapat menunjukkan pemahaman konsep pecahan yang dimiliki oleh pelajar pada peringkat umur yang berbeza.

Dalam kajian ini, pelajar daripada tiga peringkat umur berbeza telah dipilih iaitu terdiri daripada pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Persoalan asas yang diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. Apakah pemahaman konsep pecahan yang dipunyai oleh pelajar daripada setiap kumpulan iaitu pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi?
- ii. Adakah terdapat persamaan pemahaman konsep pecahan yang dipunyai oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar tersebut?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemahaman konsep pecahan yang dimiliki oleh pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti pemahaman konsep pecahan di kalangan pelajar terpilih daripada tahun enam sekolah rendah.
- ii. Mengenalpasti pemahaman konsep pecahan di kalangan pelajar terpilih daripada tingkatan empat sekolah menengah.
- iii. Mengenalpasti pemahaman konsep pecahan di kalangan pelajar terpilih daripada institut pengajian tinggi yang mengikuti kursus Diploma Kejuruteraan tahun dua.
- iv. Mengenalpasti persamaan pemahaman konsep pecahan antara pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi.

Kajian ini mengkaji pemahaman konsep pecahan yang dipunyai oleh pelajar dengan merujuk kepada konsep pecahan berikut:

- i. Pemahaman konsep asas pecahan iaitu konsep nombor, konsep pecahan setara, konsep nombor bercampur dan konsep hasil bahagi.
- ii. Pemahaman konsep pecahan yang melibatkan empat operasi matematik iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi.


1.5 Kerangka Teori Kajian

Terdapat pelbagai kerangka konseptual yang diperkenal dan digunakan oleh para sarjana untuk menghurai konsep pemahaman. Skemp (1979), Haseman (1981) dan Baroody et al (1991) menghurai pemahaman matematik dengan mengklasifikasi jenis-jenis pemahaman, iaitu pemahaman instrumental, relasional dan formal.

